



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Latihan
Training Division
Aras 3 dan 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8885 0748
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM600-25/10/24 Jld.32 (33)

Tarikh : 8 April 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

TAWARAN MENGIKUTI PROGRAM LANJUTAN PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN SIJIL POS BASIK DI INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI SESI SEPTEMBER 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mempelawa pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **Paramedik dan Auksiliari Kesihatan** yang sedang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Agensi/fasiliti YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk mengikuti Program Lanjutan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) secara sepenuh masa bagi sesi September 2024.
3. Bagi memudahkan proses permohonan kali ini, penawaran akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara dalam talian	30 April hingga 12 Mei 2024
2.	Sokongan Penyokong 1 dan 2	13 hingga 19 Mei 2024
3.	Perakuan Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi	20 Mei hingga 2 Jun 2024

*Pemohon, Penyelia, Ketua Jabatan dan Jabatan Kesihatan Negeri perlu melaksanakan peranan masing-masing dalam Sistem Permohonan Program Lanjutan bagi melancarkan proses permohonan, sokongan dan perakuan permohonan calon dalam **tempoh yang telah ditetapkan**.

4. Butiran syarat dan kriteria serta tatacara permohonan adalah seperti di **Lampiran 1 hingga 3**. Maklumat permohonan juga boleh didapati dengan melayari Sistem Permohonan Program Lanjutan, Kementerian Kesihatan Malaysia <http://eldp.moh.gov.my/>.


Ruj. Kami : KKM600-25/10/24 Jld.32 (33)

5. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan Program Lanjutan Sesi September 2024 boleh e-melkan kepada kursuslanjutan@moh.gov.my. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NADIYAH BINTI ISMAIL)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan Kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu,
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Ketua-Ketua Pakar Perkhidmatan

Senarai Edaran:

Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah-Pengarah Hospital

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian

Pegawai Kesihatan Kawasan
Pejabat Kesihatan Kawasan

Pengarah
Institusi-Institusi Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Setiausaha
Lembaga Jururawat Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha
Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Institut-Institut Latihan KKM

Ketua Pengarah
Jabatan Latihan Khidmat Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan.

Institusi/ Fasiliti Kesihatan Badan-badan Berkanun

Institusi/ Fasiliti Kesihatan Swasta

**SYARAT-SYARAT PENAWARAN PROGRAM LANJUTAN
PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN SIJIL POS BASIK DI INSTITUT
LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SESI SEPTEMBER 2024**

1. SYARAT AM

- 1.1 Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada tarikh tutup tawaran;
- 1.2 **Berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bagi calon Kerajaan & Badan Berkanun dan dua (2) tahun bagi calon swasta pada tarikh tutup tawaran;**
- 1.3 Pegawai telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
- 1.4 Mencapai purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85%** ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2021, 2022, 2023). **Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;**
- 1.5 Bagi pegawai Peningkatan Secara Lantikan (PSL), pegawai perlu disahkan dalam skim perkhidmatan terkini dan mencapai purata LNPT 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2021, 2022, 2023). **Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;**
- 1.6 Pegawai bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tata tertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- 1.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- 1.8 Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Program Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri;
- 1.9 Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjasikan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran A;

- 1.10 Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia akan dikenakan penalti dan tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan;
- 1.11 Pegawai yang menolak tawaran latihan bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah tidak layak memohon dalam tempoh dua (2) tahun terakhir;
- 1.12 Pegawai yang telah mengikuti mana-mana tawaran Program Lanjutan dalam tempoh dua (2) tahun terakhir adalah tidak layak memohon;
- 1.13 Pegawai wanita hamil tidak layak memohon. Calon juga tidak dibenarkan hamil sepanjang tempoh pengajian; dan
- 1.14 Memiliki **Sijil Amalan Profesional** yang masih sah (sekiranya berkenaan).
- 1.15 Pegawai yang telah mengemukakan permohonan pertukaran /dalam proses pertukaran tempat bertugas tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti Program Lanjutan.

2. SYARAT-SYARAT KHAS

Syarat-syarat khas kursus adalah seperti berikut:

2.1 Diploma Lanjutan Kebidanan

- (a) Memiliki **Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu (PSI)** yang menggunakan modul latihan: **Breastfeeding Promotion and Support: A Training Course for Health Professionals**, MOH, 2009 termasuk 3 jam latihan amali, seperti berikut:
 - i. Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu mestilah mulai dari tahun 2009; dan
 - ii. **Minimum 20 jam kursus termasuk 3 jam latihan amali;**
- (b) Modul latihan bagi kursus PSI 13@18 jam adalah **tidak setaraf** dengan kursus 20 jam.

2.2 Diploma Lanjutan Transfusi Darah

- (a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Transfusi Darah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

2.3 Diploma Lanjutan Penjagaan Onkologi

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Onkologi.

2.4 Diploma Lanjutan Penjagaan Kesihatan Kardiovaskular

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan kesihatan kardiovaskular; dan

- (b) Memiliki Sijil Basic Life Support yang masih sah.

2.5 Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di dewan bedah am/sub kepakaran; atau

- (b) Tiga (3) bulan sangkutan (*attachment*) dewan bedah am/sub kepakaran.

2.6 Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang penjagaan Geriatrik.

2.7 Diploma Lanjutan Penjagaan Rapi

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang sub kepakaran yang dinyatakan; dan

- (b) Memiliki Sijil Basic Life Support yang masih sah

2.8 Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental

- (a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perawatan Kesihatan Mental.

2.9 Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan

- (a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam penjagaan kecemasan; dan
- (b) Memiliki **Sijil Basic Life Support** yang masih sah.

2.10 Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di Wad Pediatrik/Klinik Pediatrik/Pusat Rawatan Harian Pediatrik/ *Paediatric High Dependency Unit/Paediatric ICU*.

2.11 Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetes

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam pengurusan penjagaan Diabetes.

2.12 Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** dalam penjagaan Neurosains.

2.13 Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer

- (a) Pengalaman **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di bidang Tomografi Berkomputer dalam **tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan**; dan
- (b) Calon Juru X-Ray (Terapi) perlu memenuhi **pra-syarat Buku Rekod Radioterapi** sebelum mengikuti kursus ini.

2.14 Diploma Lanjutan Epidemiologi Gunaan & Kawalan Penyakit (Penyakit berjangkit)

- (a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya satu (1) tahun** dalam bidang berkaitan dengan kawalan penyakit.

2.15 Diploma Lanjutan Pencegahan dan Kawalan Infeksi

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam Pencegahan dan Kawalan Infeksi.

2.16 Diploma Lanjutan Penjagaan Oftalmologi

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** atau yang sedang bertugas di unit berkaitan.

2.17 Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam perawatan Neonatal.

2.18 Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam

- (a) Mempunyai **Sijil Kebidanan Bahagian I / Diploma Lanjutan Kebidanan**; dan
- (b) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang tersebut.

2.19 Sijil Pos Basik Perawatan Rehabilitasi

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan di Unit Rehabilitasi.

2.20 Sijil Pos Basik Penjagaan Peri-Anestesia

- (a) Keutamaan kepada *Anaesthetic Assistants* di *Operation Theater* dan juga **Penolong Pegawai Perubatan** di Unit Rawatan Rapi.

2.21 Sijil Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi

- (a) Mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan gastroenterologi.

2.22 Sijil Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan Penjagaan Luka.
- (b) Keutamaan kepada pegawai yang bertugas dalam **Pasukan Penjagaan Luka** di hospital.

2.23 Sijil Pos Basik Perawatan Nefrologi

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di Jabatan Nefrologi.

2.24 Sijil Pos Basik Penjagaan Stoma dan Continence

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan Penjagaan Stoma dan Continence

2.25 Sijil Pos Basik Ortodontik Teknologi Pergigian

- (a) Berkhidmat **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** sebagai Juruteknologi Pergigian;
- (b) Keutamaan kepada calon yang **sedang berkhidmat di klinik pakar** dan akan **ditempatkan di klinik pakar** berkenaan selepas tamat latihan; dan
- (c) Permohonan perlu **disokong oleh Pakar Orthodontik** dan diluluskan oleh **Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)**

3. SENARAI KURSUS DAN PUSAT LATIHAN

Senarai bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti di Lampiran 2 dan senarai institut-institut latihan adalah seperti di Lampiran 3.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan secara dalam talian adalah pada **12 Mei 2024**.

5. TEMPOH PENGAJIAN

Pelaksanaan adalah seperti berikut:-

5.1 Kursus enam (6) bulan bermula 2 September 2024 hingga 28 Februari 2025; dan

5.2 Kursus dua belas (12) bulan bermula 2 September 2024 hingga 31 Ogos 2025.

6. TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA

6.1 Tawaran kepada calon swasta dibuka kepada anggota paramedik dan auksiliari dari institusi/fasiliti kesihatan yang berdaftar.

6.2 Kadar bayaran yuran pengajian semasa bagi **pegawai dari institusi/fasiliti swasta** adalah seperti Jadual di bawah:

KURSUS	TEMPOH	CALON	YURAN
Diploma Lanjutan	12 bulan	Kerajaan/Badan Berkanun	-
		Swasta	RM4,600.00
Sijil Pos Basik	12 bulan	Kerajaan/Badan Berkanun	-
		Swasta	RM4,600.00
Sijil Pos Basik	6 bulan	Kerajaan/Badan Berkanun	-
		Swasta	RM3,500.00

7. TATACARA PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi sistem **eldp.moh.gov.my**. Calon hendaklah membaca dan memahami setiap arahan yang dinyatakan dalam Panduan Pengguna serta mengisi butiran dengan lengkap dan memuat naik dokumen yang diperlukan sahaja.
- 7.2 Permohonan perlu disokong oleh penyelia dan Ketua Jabatan secara dalam talian. Adalah menjadi tanggungjawab calon untuk memaklumkan kepada penyelia dan Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan permohonan telah diambil tindakan. Bagi calon Kementerian Kesihatan Malaysia, permohonan perlulah mendapat perakuan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.
- 7.3 Pengakuan calon adalah pernyataan yang diambil kira dalam permohonan ini. KKM berhak membatalkan permohonan sekiranya terbukti maklumat yang diberikan adalah palsu atau berbentuk penipuan.

8. TANGGUNGJAWAB JABATAN KESIHATAN NEGERI/KETUA JABATAN

- 8.1 Senarai calon yang telah diperakukan oleh **Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi** hendaklah **disahkan secara dalam talian dan dikemukakan dalam sistem oleh Pentadbir Sistem mengikut tarikh yang telah ditetapkan**;
- 8.2 Memastikan calon-calon yang diperakukan bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah; dan
- 8.3 Memastikan calon-calon yang diperakukan adalah berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat am dan khas kursus.

- 8.4 Penyelia (Penyokong Pertama) dan Jabatan Kesihatan Negeri/ Ketua Agensi **WAJIB** untuk memperakukan calon-calon yang memenuhi syarat-syarat khas program dalam Sistem e-LDP mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan. Pengesahan syarat-syarat khas perlu dilaksanakan dalam Sistem e-LDP semasa proses perakuan.
9. KKM berhak menentukan penempatan bagi pegawai yang mengikuti latihan di mana-mana ILKKM yang melaksanakan kursus-kursus yang ditawarkan bagi setiap pengambilan. **PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
10. Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat yang ditetapkan dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai/pelatih adalah turut tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik tawaran ini tanpa memberikan sebarang sebab.

LAMPIRAN 2

**SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN DI ILKKM BAGI SESI
SEPTEMBER 2024**

BIL	PROGRAM	TEMPOH (BULAN)	SKIM PERKHIDMATAN
1	Diploma Lanjutan Kebidanan	12	Jururawat
2	Diploma Lanjutan Transfusi Darah	12	Juruteknologi Makmal Perubatan
3	Diploma Lanjutan Penjagaan Onkologi	12	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan
4	Diploma Lanjutan Penjagaan Kesihatan Kardiovaskular Sub-bidang: i. <i>Cardiac Nursing</i> ii. <i>Cardiac Technology</i> iii. <i>Cardiac Perfusion</i> iv. <i>Cardiac Imaging</i>	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan / Juru X-Ray
5	Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif Sub-bidang: i. <i>Cardiothoracic Surgery</i> ii. <i>Otorhinolaryngology Surgery</i> iii. <i>Ophthalmology Surgery</i> iv. <i>Colorectal Surgery</i> v. <i>Orthopaedic Surgery</i> vi. <i>Urology Surgery</i> vii. <i>Neurosurgery</i> viii. <i>Paediatric Surgery</i>	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
6	Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
7	Diploma Lanjutan Penjagaan Rapi Sub-bidang: i. <i>Cardiothoracic Intensive Care</i> ii. <i>Neuro Intensive Care</i> iii. <i>Paediatric Intensive Care</i>	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
8	Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
9	Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
10	Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik	12	Jururawat
11	Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetes	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan

BIL	PROGRAM	TEMPOH (BULAN)	SKIM PERKHIDMATAN
12	Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains Sub-bidang: i. <i>Neuroscience Nursing</i> ii. <i>Neurophysiology Diagnostic & Monitoring</i>	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
13	Diploma Lanjutan Rehabilitasi Neuro Sub-bidang: i. <i>Physiotherapy</i> ii. <i>Occupational Therapy</i>	12	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
14	Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer Sub-bidang: i. <i>Radiology</i> ii. <i>Radiotherapy</i>	12	Juru X-Ray
15	Diploma Lanjutan Epidemiologi Gunaan & Kawalan Penyakit (Penyakit berjangkit)	12	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan
16	Diploma Lanjutan Pencegahan dan Kawalan Infeksi	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
17	Diploma Lanjutan Penjagaan Oftalmologi	12	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
18	Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal	12	Jururawat
19	Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam	12	Jururawat
20	Sijil Pos Basik Siasatan & Pendakwaan Undang-undang Kesihatan	12	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan
21	Sijil Pos Basik Perawatan Rehabilitasi	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
22	Sijil Pos Basik Penjagaan Peri-Anestesia	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
23	Sijil Pos Basik Gastrointestinal Endoskopi	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
24	Sijil Pos Basik Kaunseling HIV/AIDS	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
25	Sijil Pos Basik Perubatan Forensik	6	Penolong Pegawai Perubatan
26	Sijil Pos Basik Perubatan Sukan	6	Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan/ Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)
27	Sijil Pos Basik Penjagaan Reumatologi	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
28	Sijil Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan

BIL	PROGRAM	TEMPOH (BULAN)	SKIM PERKHIDMATAN
29	Sijil Pos Basik Perawatan Nefrologi	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
30	Sijil Pos Basik Penjagaan Stoma & <i>Continence</i>	6	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan
31	Sijil Pos Basik Ortodontik Teknologi Pergigian	6	Juruteknologi Pergigian

LAMPIRAN 3**SENARAI INSTITUT LATIHAN BAGI SESI SEPTEMBER 2024**

BIL	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
1	Diploma Lanjutan Kebidanan <ul style="list-style-type: none">i. Alor Setar (Kejururawatan)ii. Bertam (Kejururawatan)iii. Sungai Bulohiv. Johor Bahruv. Kuala Pilah (Kejururawatan)vi. Kubang Kerian (Kejururawatan)vii. Cawangan Terengganuviii. Kota Kinabaluix. Kuchingx. Sibu (Kejururawatan)
2	Diploma Lanjutan Tranfusi Darah <ul style="list-style-type: none">i. Kuala Lumpur (JTMP)
3	Diploma Lanjutan Penjagaan Onkologi <ul style="list-style-type: none">i. Johor Bahruii. Sungai Buloh
4	Diploma Lanjutan Penjagaan Kesihatan Kardiovaskular <ul style="list-style-type: none">Sub-bidang:<ul style="list-style-type: none">i. Sultan Azlan Shah<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Technology</i>ii. Bertam (Kejururawatan)<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Perfusion</i>b) <i>Cardiac Nursing</i>iii. Sungai Buloh<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Nursing</i>b) <i>Cardiac Imaging</i>iv. Johor Bahru<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Nursing</i>v. Kota Kinabalu<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Technology</i>vi. Kuching<ul style="list-style-type: none">a) <i>Cardiac Nursing</i>

BIL	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
5	<p>Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif</p> <p>Sub-bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Alor Setar (Kejururawatan) <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Surgery</i> b) <i>Otorhinolaryngology Surgery</i> ii. Sultan Azlan Shah <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Ophthalmology Surgery</i> b) <i>Colorectal Surgery</i> c) <i>Orthopaedic Surgery</i> iii. Sungai Buloh <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Urology Surgery</i> b) <i>Colorectal Surgery</i> c) <i>Neurosurgery</i> iv. Johor Bahru <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Orthopaedic Surgery</i> b) <i>Urology Surgery</i> c) <i>Neurosurgery</i> v. Kubang Kerian (Kejururawatan) <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Colorectal Surgery</i> b) <i>Paediatric Surgery</i> vi. Kuching <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Urology Surgery</i>
6	<p>Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kuala Pilah (Kejururawatan)
7	<p>Diploma Lanjutan Perawatan Rapi</p> <p>Sub-bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bertam (Kejururawatan) <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Intensive Care</i> b) <i>Neuro Intensive Care</i> ii. Sungai Buloh <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Neuro Intensive Care</i> b) <i>Paediatric Intensive Care</i> iii. Johor Bahru <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Intensive Care</i> b) <i>Neuro Intensive Care</i>

BIL	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
	<ul style="list-style-type: none"> iv. Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Intensive Care</i> b) <i>Neuro Intensive Care</i> c) <i>Paediatric Intensive Care</i> v. Kuching <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Intensive Care</i> b) <i>Paediatric Intensive Care</i>
8	<p>Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah ii. Johor Bahru iii. Kuching
9	<p>Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Alor Setar(pembantu Perubatan) ii. Sultan Azlan Shah iii. Seremban (Pembantu Perubatan) iv. Cawangan Kuala Terengganu v. Kuching vi. Kota Kinabalu
10	<p>Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bertam (Kejururawatan) ii. Sultan Azlan Shah iii. Sungai Buloh iv. Kubang Kerian (Kejururawatan) v. Kota Kinabalu
11	<p>Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetes</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Johor Bahru ii. Sultan Azlan Shah iii. Cawangan Kuantan iv. Kubang Kerian (Kejururawatan) v. Kota Kinabalu
12	<p>Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains</p> <p>Sub-bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Neuroscience Nursing</i> b) <i>Neurophysiology Diagnostic & Monitoring</i>

BIL	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
13	Diploma Lanjutan Rehabilitasi Neuro Sub-bidang: i. Sungai Buloh a) <i>Physiotherapy</i> b) <i>Occupational Therapy</i>
14	Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer Sub-bidang: i. Sungai Buloh a) <i>Radiology</i> b) <i>Radiotherapy</i>
15	Diploma Lanjutan Epidemiologi Gunaan & Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) i. Sungai Buloh
16	Diploma Lanjutan Pencegahan Dan Kawalan Infeksi i. Sungai Buloh ii. Kubang Kerian (Kejururawatan) iii. Kota Kinabalu
17	Diploma Lanjutan Penjagaan Oftalmologi i. Sungai Buloh
18	Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal i. Alor Setar (Kejururawatan) ii. Sultan Azlan Shah iii. Sungai buloh iv. Johor Bharu v. Kubang Kerian (Kejururawatan) vi. Cawangan Kuala Terengganu vii. Kuching
19	Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam i. Alor Setar (Kejururawatan) ii. Sultan Azlan Shah iii. Sungai Buloh iv. Kubang Kerian (Kejururawatan) v. Kuching
20	Sijil Pos Basik Siasatan Dan Pendakwaan Undang-Undang Kesihatan i. Sungai Buloh
21	Sijil Pos Basik Perawatan Rehabilitasi i. Kuala Pilah (Kejururawatan)

BIL	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
22	Sijil Pos Basik Penjagaan Peri-Anestesia i. Alor Setar (Pembantu Perubatan) ii. Sultan Azlan Shah
23	Sijil Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi i. Johor Bharu ii. Kota Kinabalu
24	Sijil Pos Basik Kaunseling HIV/AIDS i. Alor Setar (Kejururawatan) ii. Sungai Buloh iii. Kubang Kerian (Kejururawatan)
25	Sijil Pos Basik Perubatan Forensik i. Seremban (Pembatu Perubatan)
26	Sijil Pos Basik Perubatan Sukan i. Seremban (Pembatu Perubatan)
27	Sijil Pos Basik Penjagaan Reumatologi i. Sungai Buloh
28	Sijil Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka i. Sungai Buloh
29	Sijil Pos Basik Perawatan Nefrologi i. Alor Setar (Kejururawatan) ii. Sultan Azlan Shah iii. Sungai Buloh iv. Cawangan Kuantan v. Johor Bahru vi. Kuching vii. Kota Kinabalu
30	Sijil Pos Basik Penjagaan Stoma & <i>Continence</i> i. Kota Kinabalu
31	Sijil Pos Basik Ortodontik Teknologi Pergigian i. PPKK & ILKKM Georgetown (Pergigian)